

Headline	<b>Paum hairan cara pilih universiti Apex</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>06. Sep 2008</b>	Page No	<b>12</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>299</b> cm2
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	



## Paum hairan cara pilih universiti Apex

**K**UALA LUMPUR: Persatuan Alumni Universiti Malaya (Paum) kecewa apabila universiti itu tidak dipilih bagi menyertai Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (Apex), sebaliknya Universiti Sains Malaysia (USM) yang mendapat status terbabit.

Presiden PAUM, Datuk Noordin Abd Razak dalam satu kenyataan berkata, Paum hairan bagaimana universiti tertua yang juga diberi ranking dunia ke-246 diketepikan sementara USM yang ranking dunianya lebih rendah iaitu di tempat 307 dipilih untuk diberikan status itu.

Menurutnya, kajian Sistem Penarafan IPT Malaysia (Setara) yang diumumkan Kementerian

Pelajaran Malaysia pada April lalu mendapati UM mencapai tahap cemerlang dengan mendapat taraf lima bintang dan USM hanya mendapat taraf tiga bintang.

“UM universiti tempatan yang mempunyai paling banyak program akademik yang diiktiraf agensi dan pertubuhan antarabangsa dan menjadi universiti yang menerbitkan paling banyak makalah berkualiti dalam jurnal terkemuka dunia,” katanya.

USM dipilih untuk menyertai Apex Rabu lalu dengan mengetepikan tiga universiti lain iaitu Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. - Bernama